

16/10/2003

Beri laluan muka baru buktikan kemampuan

SEKALI lagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) yang memegang jawatan supaya berundur dan memberi laluan kepada muka baru. Nasihat itu sewajarnya disambut baik oleh semua pihak kerana ia semata-mata untuk kepentingan parti dan rakyat. Dengan melepaskan jawatan mereka, muka baru berpeluang membuktikan kemampuan, sekali gus memberi nafas baru kepada perjuangan parti dan kepemimpinan negara. Mereka juga sepatutnya sedar jawatan yang disandang hasil sokongan orang lain dan sudah tiba masanya mereka memberi laluan kepada pemimpin lebih muda untuk meneruskan perjuangan. Perubahan memang selalunya sukar, tetapi perlu dilakukan untuk kebaikan semua.

Sebenarnya, ini bukan kali pertama Perdana Menteri memberi peringatan demikian kepada pemimpin veteran. Januari lalu, teguran sama mendapat reaksi pelbagai pihak malah di Pahang semua 30 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN menyatakan kesediaan untuk berundur dan tidak mahu dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang, manakala lima Adun di Perak dan ramai lagi di seluruh negara turut menyatakan persetujuan untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, masa berlalu dengan pantas dan ada di antara mereka yang berkenaan terlupa janji yang dibuat sehingga Dr Mahathir terpaksa mengingatkannya semula. Sememangnya, kuasa dan pangkat boleh membuatkan manusia jadi pelupa, tetapi masih belum terlewat untuk menyedarinya.

Yang jelas, nasihat Pengerusi BN itu memang tepat pada masanya kerana pengundi dan rakyat kini semakin bijak memilih wakil rakyat mereka. Jika dulu pengundi hanya melihat kepada parti, kini mereka juga mahu melihat calonnya. Oleh itu, pemilihan calon adalah mustahak jika mahu mendapat sambutan dan sokongan padu masyarakat serta pengundi dalam menghadapi pilihan raya. Mungkin ada masanya faktor umur tidak menjadi ukuran, tetapi kemampuan seseorang itu terhad apabila umurnya semakin meningkat, manakala pemimpin muda yang layak dan berwibawa boleh memberi kelebihan kepada parti untuk berdepan dengan cabaran mendatang.

Apapun, yang penting sekarang mereka yang berundur tidak seharusnya melupakan terus peranan untuk membantu calon baru memenangi pilihan raya. Jika Dr Mahathir sudah menyatakan kesanggupan untuk bersama membantu memastikan kemenangan calon BN dalam pilihan raya akan datang, tidak ada sebab pemimpin veteran lain yang mengikut jejaknya tidak sanggup berbuat demikian. Kini terpulang kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih pucuk pimpinan parti daripada Dr Mahathir akhir bulan ini untuk memilih calon sesuai, mengimbangi muka lama dan baru yang dapat diterima rakyat kerana yang penting sekarang ialah kemenangan BN.